

08/02/2003

Puteri belum bercadang kemuka calon bertanding

ALOR STAR: Puteri Umno tidak bercadang mengemukakan mana-mana anggotanya sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang kerana pembabitan pergerakan itu masih baru dalam parti.

Ketua Pergerakannya, Azalina Othman Said, berkata sehingga kini, Puteri tidak pernah menimbulkan isu untuk melobi sesiapa dalam pergerakannya menjadi calon pilihan raya umum kelak.

"Puteri Umno masih baru dalam politik dan masih banyak lagi yang perlu dipelajari. Isu untuk melobi sesiapa dalam Puteri Umno sebagai calon tidak timbul kerana sesiapa saja dalam parti boleh jadi calon," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Terdahulu, Azalina mengetuai 15 ahli Exco Puteri peringkat pusat melakukan kunjungan hormat ke atas Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain di Wisma Darul Aman sempena pelancaran Gerak Kerja Pilihan Raya Puteri Umno yang akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jitra petang semalam.

Azalina berkata, Puteri Umno berada di Kedah adalah kerana bekerja sebagai sebuah jentera parti dan bukan kerana mahu melobi sesiapa dari kalangan anggota pergerakannya sebagai calon.

"Bagaimanapun, kalau pengerusi badan perhubungan atau perhubungan negeri merasakan ada di antara ahli Puteri berkemampuan, kita terima dan akur pada arahan," katanya.

Sementara itu, Syed Razak tidak menolak kemungkinan ahli Puteri negeri ini dicalonkan pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, badan perhubungan negeri tidak menetapkan faktor jantina dan umur dalam membuat pemilihan kerana ia bukan seperti pengagihan harta pusaka.

"Dalam proses calon ini, tidak ada kuota sebab Umno bukan hak Wanita dan Pemuda saja.

"Ini bukan sebab siapa atau berapa kerana kita tidak ada kuota... mungkin juga semua lelaki dicalonkan, kita tidak tahu lagi.

"Ini bukan soal harta pusaka, siapa yang diterima rakyat dan berpotensi untuk menang, akan dicalonkan demi kepentingan masa depan perjuangan Umno dan Barisan Nasional," katanya.

Sehubungan itu, Syed Razak berkata, pihaknya akan mengemukakan senarai nama calon kepada pucuk pimpinan bila sampai masanya tetapi apa yang penting adalah mengemaskini jentera gerak kerja terlebih dulu.

"Saya mahu semua ketua perhubungan sehingga ke peringkat bawah supaya mempersiapkan diri dengan mutu kerja yang baik supaya mereka dapat dicalonkan kelak," katanya.